**Rapid Rail Sdn Bhd** 200401022254 (660759-D)
Kompleks Rapid Rail Subang,
No.1, Jalan PJU 1A/46 Off Jalan Lapangan Terbang Subang, 47301 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-7650 7788 Fax : 03-7886 1642 Website : www.myrapid.com.my

## SIARAN MEDIA

# RAPID KL SIASAT ADUAN PENGGUNA LRT LALUAN KELANA JAYA

**KUALA LUMPUR, 1 Julai** – Rapid KL ingin mengesahkan bahawa telah menerima laporan daripada seorang penumpang wanita yang mendakwa dihimpit rapat oleh seorang lelaki ketika berada di dalam tren LRT Laluan Kelana Jaya.

Pengadu yang menaiki tren dari Stesen LRT Pasar Seni kira-kira pada jam 7.00 malam, mendakwa kurang selesa dengan tindakan seorang lelaki yang berdiri rapat dibelakangnya.

Satu laporan polis telah dibuat di Balai Polis Pantai oleh pengadu pada 1 Julai 2022. Pasukan Tindakan Khas (SAT), Polis Bantuan Prasarana sedang giat meneliti rakaman kamera litar tertutup bagi mengesahkan dakwaan tersebut. Rapid KL akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa dalam menjalankan siasatan.

Rapid KL menyeru kepada pengguna rel dan bas yang berhadapan dengan sebarang situasi cemas atau kurang menyenangkan agar terus menghubungi talian khidmat pelanggan di 03-78852585.

***TAMAT***

---

**Dikeluarkan oleh Rapid Rail Sdn Bhd, sebarang pertanyaan media sila hubungi pegawai komunikasi Rapid Rail Sdn Bhd**

1. **En Mohd Sofian Hilmi, 019-4601110**